


PESANAN DI PARLIMEN: JANGAN LARI!



Antara siaran langsung di televisyen yang menambat perhatian penulis dan bermanfaat bagi masyarakat ialah sesi soal jawab di Parlimen. Bangunan istimewa ini menemukan tokoh terpilih yang diharap menjadi lidah penyambung atau suara rakyat (miskin atau berada; bandar dan luar bandar). Ahli Parlimen di Dewan Rakyat itu dihormati, dan pada umumnya dipandang tinggi kerana memikul amanah serta harapan para pengundi untuk memperjuangkan nasib kehidupan di kawasan masing-masing. Selain daripada tugas penting tersebut, mereka juga diharapkan untuk membahas, menyoal, mengkritik, dan memberikan cadangan jernih terhadap penggubalan sesuatu dasar kerajaan bagi kepentingan nasional.

Peranan dan tanggungjawab mereka bukanlah mudah, dan seramai 222 orang wakil rakyat di situ tentulah tidak mudah juga untuk lepas daripada pandangan mata atau perhatian daripada sekitar 30 juta rakyat negaranya. Wakil rakyat atau Yang Berhormat (YB) yang memilih untuk menjadi pemimpin, samalah seperti mana-mana pemimpin dalam profesion penting lain, mempunyai risiko dan bahaya atau kesusahannya yang tersendiri. Menjadi petani dan nelayan pun ada risiko dan bahayanya dipatuk

ular berbisa, atau lemas di lautan sewaktu ribut taufan. Apa-apa pun, sekalian YB atau wakil rakyat itu, berkuasa untuk mempengaruhi visi, arah tuju, dan nasib masa depan bangsa. Oleh itu, mengikuti perbincangan dan dialog mereka di Sidang Parlimen akan membijaksanakan kita tentang pelbagai masalah serta aneka rupa kesusahan dan kemudahan yang wujud di tengah-tengah kehidupan bangsa kita sendiri.

Dalam pada itu ada kalanya siaran langsung televisyen (dari Parlimen kepada penonton) membawa kehampaan, apabila berlaku percakapan yang tidak sepatutnya diucapkan, malahan ejekan atau cemuhan antara sang politikus hingga mencetuskan kekecohan yang mencemarkan imej majlis di dewan yang dianggap mulia serta terhormat. Dari segi lain barangkali peristiwa yang seperti ini tidaklah boleh dianggap terlalu janggal dan mencolok mata, sangat mengingat betapa berbeza dan berjaraknya fahaman dan kesetiaan politik kepartian masing-masing. Mereka juga pada dasarnya ialah manusia biasa seperti kita semua yang mempunyai emosi, prasangka dan idea yang tersendiri hingga daripada sekalian konflik dan antitesis pendapat yang tercetus, akan menjungul juga pandangan janggal selain buah fikiran yang bermanfaat bagi kehidupan rakyat jelata. Mengikuti perbincangan di Parlimen itu banyak juga manfaatnya kerana kita dapat mengetahui banyak cerita tentang nasib masyarakat melalui wakil mereka yang hadir dan tampil berbicara.



Pada umumnya Parlimen Malaysia memperlihatkan perkembangan dialog yang membina dan penuh prihatin terhadap masalah serta nasib rakyat terbanyak di pelbagai ceruk rantau. Apakah siaran langsung di televisyen juga menjadi pemangkin timbulnya inisiatif

dan usaha beberapa anggota Parlimen untuk jelas bersuara menentang masalah sosioekonomi dan keperluan yang mendesak di kawasan mereka? Dalam persidangan yang berlangsung pada hari-hari minggu terakhir bulan Julai 2018, wakil rakyat dari kawasan luar bandar Sarawak, Mas Gading misalnya, dengan terperinci membentangkan kesusahan dan kemunduran sekolah di kawasanannya. Keadaan yang serba laeh dan daif di dalam bilik darjah dan di bilik guru; perabot dan kerusi meja yang tidak mencukupi, dan pelbagai kesulitan untuk mengajar dan belajar yang diceritakan oleh wakil rakyat berkenaan sangatlah mengharukan perasaan.

Pembeberan kisah kesusahan rakyat di daerah yang miskin, menghanyutkan kenangan saya ke suatu waktu yang jauh, 70 lebih tahun dahulu, sewaktu tanah air ini masih dijajah oleh Inggeris. Pertama kali menjejakkan kaki ke sekolah untuk belajar, tepatnya pada tahun 1946, kami seolah-olah berada di sebuah rumah pondok yang panjang, berbumbung atap daripada daun nipah, berdinding separuh setakat pinggang dengan meja tulis berlantaikan tanah yang tinggi rendah. Tidak ada buku dan pensel; hanya papan batu dan kalam untuk belajar menulis. Kalau hujan lebat, tempias dari air hujan akan menyerbu masuk, dan cikgu akan berhenti mengajar untuk mengumpulkan kami ke tengah-tengah bilik darjah. Walau bagaimanapun, itulah nasib dan peraturan hidup biasa, dijilani dan dialami tanpa rungutan. Malah, bagi sesetengah murid keadaan bilik darjah yang daif tersebut adalah lebih baik daripada rumah kediaman ibu bapa mereka.

Itu cerita 10 tahun sebelum merdeka: tentang kemiskinan parah dan kemunduran gaya hidup suatu bangsa yang terjajah serta terhina di tangan orang asing. Itu adalah juga pengalaman yang sesekali membakar semangat mereka yang masih bernafas sekarang, yang berasa sedar diri, dan cuba berusaha memperjuangkan nasib, maruah, dan

warisan bangsanya. Itu adalah juga kisah lalu yang hanya baik untuk perbandingan serta keinsafan untuk kita memerdekakan fikiran serta bekerja keras dan jujur bagi bangsa kita. Walau bagaimanapun tentulah janggal dan aneh kalau pada hari ini masih wujud jurang perbezaan yang menganga antara kehidupan di luar bandar dengan yang di bandar, terutama dalam lapangan pendidikan asas. Di manakah keteledoran dan silapnya pihak pembuat dasar dan undang-undang, khususnya ahli Parlimen atau wakil rakyat yang menerajui kerajaan?

Rungutan wakil rakyat dari luar bandar seperti yang disuarakan oleh Ahli Parlimen Mas Gading barangkali elok mengingatkan semua bahawa menteri itu dilantik oleh partinya, bukan dilantik oleh rakyat walaupun asalnya dipilih oleh suara undi rakyat; dan jabatan kerajaan itu harus berkhidmat untuk rakyat, bukan sekadar untuk kepentingan diri, ketua serta kakitangan jabatan sahaja. Inilah tanggungjawab dan amanah yang dipikulkan ke bahu mereka yang bergelar Yang Berhormat; dan yang berada di jabatan awam. Dengan pengertian serta keinsafan ini, mudah-mudahan keadilan ekonomi, sosial dan budaya dapat dibangunkan dan terpelihara baik sebagai prasyarat wujudnya bangsa yang demokratik, adil serta moden. Peranan, kewajipan moral, tugas, dan tanggungjawab terhadap rakyat terbanyak ini masih menjadi agenda perjuangan yang dituntut oleh rakyat terhadap para pemimpin di atas.

Peringatan agar jangan mengabaikan, meninggalkan atau lari daripada tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat kepada pemimpinnya (seperti yang disentuh di atas) tidak semena-mena tercermin daripada lelucon kecil Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu menuntut titah ucapan baginda di hadapan wakil rakyat di Parlimen dengan kata yang singkat, ringkas dan jitu:

“... Sila duduk, dan jangan lari!”